Lim Seong Guan, ex p Yit Seng Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — KEBANKRAPAN NO D5–29–2260 TAHUN 1992
KAMALANATHAN RATNAM PK
25 MEI 1996

Kebankrapan *— Amalan dan prosedur — Permohonan penghutang untuk menunjuk sebab terhadap petisyen pemiutang — Sama ada mesti dibuat dalam Borang 16 — Sama ada boleh dibuat melalui afidavit — Sama ada kegagalan untuk memfailkan notis dalam Borang 16 merupakan kecacatan formal yang boleh dibaikpulih — Peraturan-Peraturan Kebankrapan 1969 peraturan 117*

Pemiutang penghakiman telah menyerahkan notis kebankrapan ke atas penghutang penghakiman diikuti dengan pemfailan petisyen pemiutang. Penghutang penghakiman telah memfailkan satu saman dalam kamar dan afidavit untuk membatalkan petisyen pemiutang tersebut dan ini telah dibenarkan oleh penolong kanan pendaftar. Pemiutang penghakiman membuat rayuan.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

Peraturan 117 dalam Peraturan-Peraturan Kebankrapan 1969 dengan jelas memperuntukkan bahawa di mana seseorang penghutang ingin menunjuk sebab terhadap suatu petisyen dia hendaklah memfailkan suatu notis dalam Borang 16. Kegagalan penghutang penghakiman untuk memfailkan notis dalam Borang 16 mengakibatkannya tidak dapat menunjuk sebab terhadap petisyen pemiutang. Kegagalan itu bukannya satu kecacatan formal tetapi merupakan pelanggaran peraturan mandatori. Pemfailan saman dalam kamar dan afidavit tidak dapat menggantikan Borang 16 dan membaikpulihkan kegagalan itu. Oleh itu, rayuan pemiutang penghakiman dibenarkan dan keputusan penolong kanan pendaftar diketepikan (lihat ms 313G–I dan 314A–E); *Development & Commercial Bank Bhd v Datuk Ong Kian Seng* [1995] 2 MLJ 724 diikut.

[**English summary**

The judgment creditor had served a bankruptcy notice on the judgment debtor followed by the filing of a creditor's petition. The judgment debtor had filed a summons in chambers and an affidavit to strike out the creditor's petition and this was allowed by the senior assistant registrar. The judgment creditor appealed.

Held, allowing the appeal:

Rule 117 of the Bankruptcy Rules 1969 clearly provides that where a debtor intends to show cause against a petition he shall file a notice in Form 16. The failure of the judgment debtor to file a notice in Form 16 resulted in him not being able to show cause against the creditor's petition. The failure was not a formal defect but a

A contravention of a mandatory rule. The filing of the summons in chambers and affidavit could not replace Form 16 and cure the failure. Accordingly, the judgment creditor's appeal was allowed and the decision of the senior assistant registrar was set aside (see pp 313G–I and 314A–E); *Development & Commercial Bank Bhd v Datuk Ong Kian Seng* [1995] 2 MLJ 724 followed.]

B

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai amalan dan prosedur kebankrapan, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1995 Reissue) perenggan 1532–1564.

C **Kes yang dirujuk**

Development & Commercial Bank Bhd v Datuk Ong Kian Seng [1995] 2 MLJ 724 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

D Peraturan-Peraturan Kebankrapan 1969 peraturan 117

Ong SL (bersamanya *Leonard Yeoh Soon Beng*) (*Soo Thien Ming & Sharizat*) bagi pihak pemiutang penghakiman.

Thaiyub Khan (*Thaiyub Khan Othuman & Co*) bagi pihak penghutang E penghakiman.

Cur Adv Vult

Kamalanathan Ratnam PK: Pada 21 Mei 1992, notis kebankrapan telah diserahkan atas penghutang penghakiman. Pada 12 Ogos 1992, F petisyen pemiutang telah difailkan. Penghutang penghakiman telah menfailkan suatu saman dalam kamar (kand 16) dan afidavit (kand 15) pada 27 Mac 1994 untuk membatalkan petisyen pemiutang tersebut. Pada 2 Februari 1996, Penolong Kanan Pendaftar ('PKP') telah membenarkan kand 16 dan pada 6 Februari 1996 pemiutang penghakiman telah merayu G terhadap keputusan tersebut kepada saya.

Setelah membaca penghujahan bertulis kedua-dua peguam, saya mendapati bahawa peraturan 117 dalam Peraturan-Peraturan Kebankrapan 1969 dengan jelas memperuntukkan bahawa di mana seseorang penghutang ingin menunjuk sebab terhadap suatu petisyen, dia hendaklah memfailkan suatu notis dengan pendaftar. Notis tersebut adalah terkandung dalam H Peraturan-Peraturan Kebankrapan sebagai Borang 16.

Dalam kes *Development & Commercial Bank Bhd v Datuk Ong Kian Seng* [1995] 2 MLJ 724, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan di ms 731 seperti berikut:

I

> ... the first and crucial question which arises for our decision is whether the respondent can treat his affidavit affirmed on 18 February 1992 as a notice to oppose the creditor's petition. The learned judge has ruled that he can since his failure to file a notice under r 117 is only a formal defect which has not caused substantial injustice to the appellant.

> Rule 117 provides that where a debtor intends to show cause against a petition, he shall file a notice specifying the statements in the petition which he intends to deny or dispute. The contents of the notice can be found in Form 16 of the Rules ... . Accordingly, in our view, the respondent's affidavit in opposition cannot be substituted as a notice to show cause against the creditor's petition to challenge the validity of the bankruptcy notice.
>
> Further, we are of the view that the respondent's failure to file a notice under r 117 supported by an affidavit cannot be excused as a mere formal defect.

Seterusnya di ms 731–732, keputusan Mahkamah Persekutuan adalah seperti berikut:

> ... r 117 clearly provides that if a debtor intends to show cause against the petition, he shall file a notice in Form 16. We hasten to add that no breach of a mandatory rule can be described as a formal defect or an irregularity that can be cured.

Berdasarkan kepada prinsip-prinsip dalam penghakiman tersebut, saya memutuskan bahawa kegagalan penghutang penghakiman untuk memfailkan notis dalam Borang 16 mengakibatkannya tidak dapat menunjuk sebab terhadap petisyen pemiutang dan dengan itu, rayuan pemiutang penghakiman dibenarkan dengan kos. Keputusan PKP pada 2 Februari 1996 diketepikan dan perintah penghukuman dan perintah penghakiman dibenarkan terhadap penghutang penghakiman.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar